

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2001/2002

September 2001

## HMT 221 – Fonetik dan Fonologi

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA [3]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas peperiksaan ini mengandungi **TUJUH [7]** soalan di dalam **DUA [2]** bahagian. Jawab **ENAM [6]** soalan sahaja. Jawab **SEMUA** soalan di Bahagian A dan **TIGA [3]** soalan di Bahagian B.  
Semua soalan memberikan jumlah markah yang sama (100 markah setiap satu soalan).

### **BAHAGIAN A**

1. Huraikan cara ahli fonetik menggunakan parameter artikulatori untuk mengklasifikasikan konsonan plosif dan frikatif menggunakan contoh-contoh yang sesuai daripada bahasa Melayu.
2. Jawan soalan [a] dan [b].
  - [a] Apakah *transkripsi*? Bincangkan juga bahan-bahan yang diperlukan untuk mempelajari transkripsi.
  - [b] Transkripsikan teks berikut dengan menggunakan transkripsi fonemik dan transkripsi fonetik berdasarkan sebutan baku bahasa Melayu.

Dengarlah anak-anakku!  
(Kekasihku, tolong daku meniupkan ini napiri)  
lagu ini bukan dodoi dibuai  
yang kauterima dalam diam dan dengkur  
tapi muslihat. Melibatkan sendiri zaman terbuka  
sekarang dan akan datang --  
telaga petrol kaudapat di laut  
(tandanya tanahmu tidak lagi pekat?)  
ikan di pasar bersuara: Bersabarlah Awang tani  
daging empukku dua ringgit sekati  
ingatlah, ya ingatlah anak-anakmu  
lima orang segantang beras  
tiga ringgit pula menyiat saku...

Adi Rumi dalam *Hasrat Merdeka: Antologi Sajak* (1995), Dewan Bahasadan Pustaka Brunei.

3. Pilih **DUA [2]** daripada [a] hingga [e] di bawah ini. Lengkapkan dengan ilustrasi dan contoh-contoh yang bersesuaian, jika perlu.
- [a] perbandingan di antara rentetan vokal dan diftong
  - [b] onset dan rima di dalam penyukukataan
  - [c] artikulasi kompleks serentak dan peralihan
  - [d] aspek segmental dan suprasegmental
  - [e] sistem penghasilan bunyi

## **BAHAGIAN B**

4. [a] Berikan maksud proses-proses fonologi berikut:
- I. asimilasi
  - II. pengguguran
  - III. penyisipan.

- [b] Berdasarkan contoh-contoh daripada bahasa yang anda tahu, jelaskan proses-proses fonologi berikut:
- [ I] konsonan berasimilasi dengan konsonan
  - [ II] pengguguran konsonan dan pengguguran vokal
  - [III] penyisipan konsonan dan penyisipan vokal
5. [a] Berdasarkan kepada Atur Rumus, berikan ketertiban rumus-rumus kepada data di bawah.
- [ I] pengarang [puarau]
  - [ II] pemburu [pemburu]
  - [III] masakan [masakan]
  - [IV] maaf [mauap]
- [b] Terangkan perbezaan proses-proses fonologi yang berlaku dalam representasi fonetik [I] dan [II].
- [c] Terangkan proses-proses fonologi yang terdapat dalam representasi fonetik [III] dan [IV].
6. **SAMA ADA**
- [a] Dengan menyertakan contoh-contoh daripada bahasa Melayu baku, terangkan maksud *pasangan minimal* dan *kelainan bebas*.
- [b] *Silabik, sonoran* dan *konsonantal* tergolong dalam fitur kelas utama. Dengan menyertakan bunyi-bunyi (fonem-fonem) daripada bahasa Melayu baku, berikan makna fitur-fitur di atas.
- ATAU**
7. [a] Apakah yang dimaksudkan dengan *Penglahiran Geluncuran*.
- [b] Dengan menggunakan *Teori Autosegmental*, terangkan perbezaan vokal tinggi yang terdapat pada kata dasar /uau/ dan perkataan /tari + an/ yang menerima imbuhan akhiran /-an/.